

PEKELILING BILANGAN: 2 TAHUN 2009

Kepada:
Semua anggota
Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENAMATAN AKTIVITI SIMPANAN KHAS

Memandangkan aktiviti Simpanan Khas yang dilaksanakan sekarang tidak mencapai matlamat sebenar, maka Anggota Lembaga KOPETRO dalam Mesyuarat Lembaga pada 13 November 2009 telah memutuskan supaya **aktiviti Simpanan Khas yang dijalankan sekarang akan diberhentikan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010.**

Sehubungan dengan itu, potongan gaji bagi maksud Simpanan Khas akan diberhentikan berkuatkuasa mulai tarikh tersebut. Walau bagaimana pun, bagi menjamin pulangan (dividen) yang lebih stabil, segala wang anggota yang berada dalam akaun **Simpanan Khas tersebut akan dipindahkan ke akaun yuran anggota yang berkenaan selepas tarikh tersebut.**

Untuk memastikan agar KOPETRO sentiasa memberikan perkhidmatan yang berterusan, satu skim **Simpanan Khas baru yang lebih komprehensif, akan diwujudkan selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2010** yang akan datang dan semua anggota akan dimaklumkan berhubung dengan skim baru tersebut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,
b.p **LEMBAGA KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD**


[ZAMRI BIN ISMAIL]
Setiausaha
Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad.

Bertarikh: 16 November 2009